

12/08/1998

MAS mungkin sambung khidmat ke Vientiane

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia mengkaji kemungkinan menyambung semula perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS) di antara Kuala Lumpur dan Vientiane.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi persetujuan itu dalam mesyuarat delegasi dua hala Malaysia-Laos di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat lebih sejam itu, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata delegasi Laos yang diketuai Perdana Menternya, Sisavath Keobounphanh, meminta Malaysia meneruskan semula penerbangan MAS dari sini ke Vientiane.

MAS menghentikan penerbangannya ke bandar itu berikutan masalah kekurangan penumpang dan kekurangan kemudahan di lapangan terbang Laos.

"Dr Mahathir menjelaskan kemungkinan meminta MAS menggunakan pesawat lebih kecil bagi menangani masalah itu. Laos juga sudah melaksanakan kerja pembesaran landasan lapangan terbang di samping meningkatkan kemudahannya," kata Abdullah.

Sebelum ini, MAS mengadakan penerbangan dua kali seminggu ke Vientiane iaitu pada Isnin dan Rabu.

Pada mesyuarat itu juga, Dr Mahathir dan Sisavath menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Perdagangan dan Perjanjian Kerjasama Pelancongan di antara kedua-dua negara.

Malaysia diwakili Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabarruddin Chik, manakala Laos diwakili Menteri Perdagangan dan Pelancongannya, Phoumy Thippavone.

Abdullah berkata, Malaysia juga bersetuju melatih pegawai Laos dalam bidang pembangunan luar bandar di samping menawarkan kursus bahasa Inggeris kepada mereka.

Malaysia akan memberi latihan pembangunan sumber manusia kepada pegawai Laos menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Laos pula bersetuju menimba pengalaman Malaysia melaksanakan pembangunan prasarana di negara itu bagi meningkatkan taraf hidup rakyatnya.

Dalam bidang perdagangan, Abdullah berkata, kedua-dua pemimpin bersetuju menjalankan perdagangan barter (pertukaran barangan tanpa menggunakan wang), selain memperluaskan perdagangan menggunakan mata wang masing-masing.

Laos juga meminta rakyat Malaysia melabur dalam bidang prasarana, penjaan kuasa dan telekomunikasi.

Pada 1997, perdagangan dua hala Malaysia dengan Laos berjumlah RM6.5 juta. Eksport barangan Malaysia ke negara itu bernilai RM6.2 juta, manakala jumlah import pula ialah RM0.27 juta.

Barangan eksport utama Malaysia ke Laos ialah alat penerima televisyen, kontena dan mesin pejabat, manakala import utama pula ialah kopi, alkohol dan tekstil.

(END)